

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK RAS ADIBA BINTI  
MOHD RADZI**

**TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Datuk Ras Adiba binti Mohd Radzi** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan negeri-negeri yang telah bersetuju untuk menubuhkan Majlis Tindakan OKU peringkat negeri serta usaha Kerajaan bagi memastikan kesemua negeri mempunyai Majlis Tindakan OKU dan pelan strategik pembangunan OKU.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah yang diperuntukkan dalam Senarai Bersama di Senarai Ketiga Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

“List III- Cocurrent List

1. *Social welfare; social services subject to List I and II; protection of women, children and young persons...*”

Merujuk kepada peruntukan ini, isu Orang Kurang Upaya (OKU) adalah merupakan **Senarai Bersama iaitu bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri selagi mana ianya tersenarai dalam Senarai Persekutuan (Senarai I) dan Senarai Negeri (Senarai II)** termasuk memberi perlindungan kepada wanita, kanak-kanak dan orang muda.

Kerajaan melalui **KPWKM sentiasa komited untuk memperjuangkan hak-hak OKU di Malaysia**. Oleh yang demikian, **Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) telah ditubuhkan pada tahun 2008** selaras dengan **Seksyen 3, Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]**. Majlis ini adalah terdiri seperti berikut:

- (a) **Menteri yang hendaklah menjadi Pengerusi;**
- (b) **Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi kebajikan masyarakat, yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;**
- (c) **Peguam Negara Malaysia, atau wakilnya;**
- (d) **Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi kewangan;**

- (e) **Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi pengangkutan;**
- (f) **Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber manusia;**
- (g) **Ketua Pengarah Pendidikan;**
- (h) **Ketua Pengarah Kesihatan;**
- (i) **Pengerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan;**  
dan
- (j) **tidak lebih daripada sepuluh orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam permasalahan dan isu yang berhubungan dengan orang kurang upaya yang hendaklah dilantik oleh Menteri.**

Dalam peruntukan ini, **tidak ada mana-mana peruntukan yang memeruntukkan bahawa Kerajaan Negeri merupakan ahli MKBOKU.** Tafsiran Kerajaan di bawah seksyen 2 Akta 685 seperti berikut:

**“Kerajaan” ertinya Kerajaan Persekutuan”**

Merujuk kepada tafsiran ini adalah jelas bahawa **terma bagi Kerajaan dalam Akta 685 adalah merujuk kepada Kerajaan Persekutuan dan bukannya merujuk kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.** Ini bermaksud Akta 685 ini dibuat dengan hanya menggunakan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan tanpa pemakaian oleh Kerajaan Negeri walaupun ianya merupakan Senarai Bersama.

**Penubuhan Majlis Tindakan Orang Kurang Upaya Negeri adalah merupakan satu opsyen yang sangat baik kepada negeri untuk memantau dan menyelaraskan isu-isu berkaitan OKU di peringkat negeri. Oleh yang demikian, KPWKM melalui Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya Bil. 3/2019 bertarikh 4 November 2019**

**telah mengesyorkan cadangan penubuhan Majlis Tindakan Orang Kurang Upaya Negeri kepada Kerajaan Negeri dengan menggunakan bidang kuasa di bawah Senarai Bersama, Perlembagaan Persekutuan dengan menggunakan kaedah yang lain.**

**Sehingga 31 Oktober 2021, 3 (tiga) buah negeri telah menubuhkan Majlis Tindakan Orang Kurang Upaya Negeri seperti berikut iaitu Kelantan, Selangor dan Pahang manakala bagi negeri-negeri lain masih dalam perbincangan di peringkat negeri masing-masing.**

Sekian, terima kasih.